

Dedah peluang kerjaya

Serdang: Lebih 3,000 siswazah Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapat pendedahan mengenai peluang melanjutkan pengajian dan kerjaya menerusi Pesta Kerjaya universiti itu, baru-baru ini.

Menerusi wakil 53 agensi dan syarikat yang menyertai program itu, siswazah mendapat bimbingan mengenai peluang melanjutkan pengajian peringkat ijazah lanjutan serta bidang kerjaya yang boleh diterokai.

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan UPM (CEM), Prof Madya Dr Zulhamri Abdullah, berkata program anjuran CEM dan Careertour Sdn Bhd itu memperluas perspektif pelajar mengenai cabang kerjaya.

Tulis resume

Katanya, maklumat pengumuman program itu

sudah didedahkan kepada pelajar ketika menghadiri sesi penamatan pengajian wajib selepas peperiksaan akhir, iaitu

mereka diajar cara menulis resume.

"Turut diberi penekanan ialah etika menghadapi temu duga termasuk pakaian dan

personaliti selain latihan temu duga oleh syarikat luar.

"Pendedahan ini sedikit sebanyak membantu pelajar memilih pekerjaan dan majikan terbaik untuk mereka.

"Kami juga mengingatkan pelajar membawa bersama resume mereka, surat pera-

kuan dan dokumen lain dan bersedia untuk ditemuduga," katanya.

Majlis perasmian pesta dua hari itu disempurnakan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.

Antara syarikat yang menyertai ialah British American Tobacco Bhd, Nippon

Paint Sdn Bhd, Fraser & Neave Holdings Berhad, Mistrmind International Sdn Bhd, Manulife Technology & Services Sdn Bhd, Honda Malaysia Sdn Bhd, Allianz Malaysia Berhad, Universiti Teknologi PETRONAS, Auric Pacific Sdn Bhd, Jobstreet. Com, Nestle dan Carrier Malaysia Sdn Bhd.

TURUT DIBERI PENEKANAN IALAH ETIKA MENGHADAPI TEMU DUGA TERMASUK PAKAIAN DAN PERSONALITI SELAIN LATIHAN TEMU DUGA OLEH SYARIKAT LUAR"



Prof Fauzi (tengah) bertanya sesuatu kepada wakil syarikat dalam Career Tour 2013 di UPM Serdang, baru-baru ini.